

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA SEBUT HARGA A MPC

Bil. Mesyuarat: 15/2021

Tempat: Bilik Majlis, Blok Inovasi

Masa: 10.00 pagi

Tarikh: 22 Disember 2021 (Rabu)

Kehadiran:

1. En. Zahid Ismail	Timbalan Ketua Pengarah	Pengerusi
2. En. Mohd Yazid Majid	Pengarah	Ahli
3. Pn. Saliza Saari	Pengarah	Ahli
4. En. Mahadi Hasbullah	Pengurus Kanan	Urus Setia
5. Cik Nor Izzati Norhisam	Pengurus	Urus Setia

1.0 Perutusan Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengalu - alukan kedatangan dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang dapat hadir ke mesyuarat pada yang terakhir bagi tahun 2021.

2.0 Pengesahan Minit Mesyuarat Bil. 14/2021

- 2.1 Encik Mohd Yazid telah mencadangkan untuk minit diluluskan dan disokong oleh Encik Mahadi. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga A Bil. 14/2021 telah diluluskan tanpa tanpa sebarang pindaan.

3.0 Maklumbalas Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga A MPC Bil. 14/2021

- 3.1 **Perkhidmatan Kontrak Mencuci dan Membersih untuk Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak, Kawasan Perindustrian Demak Laut, Kuching, Sarawak.**

- 3.1.1 Mesyuarat rundingan antara MPC Wilayah Sarawak dan Cooserve Cleaning telah diadakan pada 8 Disember 2021. Hasil rundingan tersebut, pihak Cooserv Cleaning bersetuju dengan nilai perolehan berjumlah RM183,168.00 untuk tempoh dua tahun.
- 3.1.2 Pihak Cooserv Cleaning memohon pertimbangan pihak MPC untuk mempertimbangkan tawaran sebut harga sekiranya terdapat sebarang kenaikan kadar gaji minimum.
- 3.1.3 Pihak Mesyuarat juga mengambil maklum berhubung permohonan daripada pihak pembekal sekiranya terdapat kenaikan dalam kadar gaji minimum. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan ini perlu dimaklumkan semula dalam Mesyuarat ini.

4.0 Mempertimbangkan Kertas Tawaran Sebut Harga:

4.1 Sebut Harga Perolehan Peralatan Studio dan Langganan Perisian di Ibu Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

- 4.1.1 Tawaran sebut harga telah dibuka pada 30 November 2021 dan tawaran ini telah ditutup pada 7 Disember 2021. Tawaran ini telah ditawarkan kepada 7 pembekal.
- 4.1.2 Sebanyak empat (4) pembekal telah menghantar dokumen sebut harga ke MPC.
- 4.1.3 Kesemua sebut harga ini telah dinilai mengikut penilaian teknikal dan penilaian harga.
- 4.1.4 Jawatankuasa Penilaian Harga telah mengesyorkan penyebut harga 1/4 (IshanTech (M) Sdn. Bhd.) dan mesyuarat ini juga telah meluluskan penyebut harga 1/4 sebagai pembekal perkhidmatan di atas kerana memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dan menawarkan harga yang terendah iaitu sebanyak RM 90,449.08.

- 4.1.5 Mesyuarat juga telah memohon agar PIC untuk berbincang dengan pembekal yang dilantik berhubung dengan tempoh masa penghantaran peralatan studio dan langganan perisian tersebut, sama ada boleh dibuat pada tahun 2021 atau perlu dibuat pada tahun 2022.

Tindakan: Noor Mohammad Farhan Nor Azman

4.2 **Perkhidmatan Penyelenggaraan Bangunan (Sistem Mekanikal dan Elektrikal) Selama Dua (2) Tahun di Ibu Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan.**

- 4.2.1 Tawaran sebut harga telah dibuka pada 7 Disember 2021 dan taklimat juga telah diadakan pada tarikh yang sama pada jam 10.00 pagi.
- 4.2.2 Tawaran ini telah ditutup pada 14 Disember 2021 dan sebanyak tiga (3) pembekal telah menghantar dokumen sebut harga ke MPC.
- 4.2.3 Kesemua sebut harga ini telah dinilai mengikut spesifikasi am, spesifikasi keupayaan kewangan, spesifikasi harga perkhidmatan dan spesifikasi teknikal.
- 4.2.4 Mesyuarat ini telah menangguhkan kelulusan bagi perkhidmatan ini dan PIC dipohon untuk membuat semakan semula kos dan spesifikasi perkhidmatan agar peruntukan kos yang akan digunakan adalah setimpal dengan perkara-perkara yang perlu diselenggara.
- 4.2.5 PIC perlu melantik pakar dalam bidang mekanikal untuk menilai semula perkara ini dan melanjutkan tempoh perkhidmatan pembekal sedia ada kepada 2 bulan lagi, iaitu untuk bulan Januari – Februari 2022.

Tindakan: Siti Zurianah Othman

4.3 **Perkhidmatan Penyelenggaraan Mencuci dan Membersih Bangunan di Ibu Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan.**

4.3.1 Tawaran sebut harga telah dibuka pada 8 Disember 2021 dan telah ditutup pada 15 Disember 2021. Kod bidang yang perlu dimiliki oleh pembekal adalah kod 221001 (Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Dan Pejabat).

4.3.2 Sebanyak empat (4) pembekal telah menghantar dokumen sebut harga ke MPC. Kesemua sebut harga ini telah dinilai mengikut spesifikasi am, spesifikasi keupayaan kewangan, spesifikasi harga perkhidmatan dan spesifikasi teknikal.

4.3.3 Mesyuarat ini telah meluluskan penyebut harga 3/4 (De Myra Tekun Enterprise) sebagai pembekal perkhidmatan di atas kerana memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, menawarkan harga yang terendah berbanding penyebut harga yang lain dan mempunyai keupayaan serta pengalaman yang baik untuk perkhidmatan ini. Nilai perkhidmatan yang ditawarkan adalah sebanyak RM287,520.00 bagi tempoh 2 tahun perkhidmatan.

Tindakan: Siti Zurianah Othman

5.0 Memperaku dan Memuktamadkan Kertas Makluman

5.1 **Makluman Status Pelaksanaan Projek serta Bayaran Yuran Penyertaan Hospital Swasta dalam Program Diagnosis-Related Group/ Casemix Programme.**

5.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga A Bil. 8/2021 telah memuktamadkan pembayaran yuran penyertaan Hospital Swasta bagi program Diagnosis-Related Group (DRG) kepada Casemix

Solution Sdn. Bhd.. Program ini bermula pada bulan Ogos sehingga Disember 2021. Lima (5) buah hospital swasta telah dipilih bagi menyertai program tersebut iaitu: -

- i. Subang Jaya Medical Centre (SJMC)
- ii. Sunway Medical Centre (Sunway)
- iii. KPJ Specialist Hospital (KPJ)
- iv. Pantai Hospital Kuala Lumpur (Pantai)
- v. Columbia Asia Hospital (Columbia)

5.1.2 Program ini merangkumi empat (4) sesi bengkel yang dikendalikan oleh pihak pembekal, Casemix Solution Sdn. Bhd. Surat tawaran telah dikeluarkan kepada Hospital swasta terpilih. Walau bagaimanapun, hanya dua (2) hospital sahaja yang bersetuju untuk mengikuti program ini iaitu:

- i. Subang Jaya Medical Centre (SJMC)
- ii. Sunway Medical Centre (Sunway)

5.1.3 Tiga (3) lagi hospital telah menyatakan ketidaksediaan untuk mengikuti program tersebut berikutan kekangan jumlah kakitangan serta memiliki beberapa komitmen lain sedia ada yang perlu diberikan perhatian.

5.1.4 Namun begitu, selepas Bengkel kedua, Sunway Medical Centre (Sunway) telah memaklumkan penarikan diri dari program tersebut. Oleh yang demikian, hanya 1 hospital sahaja yang akan meneruskan program ini yang mana bengkel akhir (ke-4) telah dijadualkan pada 23 Disember 2021.

5.1.5 Pihak PHPN telah berbincang dengan pihak pembekal mengenai pembayaran yuran bagi hospital yang terlibat. Berikut merupakan

pecahan kos yang telah dipersetujui di antara PHPN dan pembekal Casemix Solutions Sdn. Bhd. bagi tujuan pembayaran setelah tamat program.

5.1.6 Jumlah kos keseluruhan program adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara (A)	Kos per hospital	Bilangan Hospital terlibat	Jumlah Keseluruhan (RM)
1.	Bayaran yuran penyertaan 5 hospital swasta - Kelulusan BOM Bil 768/2021	11,000.000	5	55,000.00
	Jumlah			55,000.00
Bil.	Perkara (B)	Kos per hospital	Bilangan Hospital terlibat	Jumlah Keseluruhan (RM)
1.	Hospital yang menarik diri - KPJ - Pantai - Columbia	11,000.00	3	33,000.00
2.	Hospital yang menarik diri selepas Bengkel ke 2 - Sunway	4,500.00 (2 siri bengkel)	1	5,500.00
	Jumlah			38,500.00
	Jumlah Keseluruhan Bayaran kepada Pembekal (A-B)			16,500.00

5.1.7 Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara ini dan memuktamadkan jumlah pembayaran kepada pembekal adalah berdasarkan kepada jumlah peserta dan sesi bengkel yang telah diadakan.

Makluman

5.2 **Permohonan Variation Order (VO) Serta Justifikasi Perubahan Rekabentuk Bagi Bilik Grafik, Tingkat Bawah, Blok Inovasi MPC Ibu Pejabat Dengan Menggunakan Peruntukan Mengurus Khas Kecemasan yang diperuntukkan oleh MITI Pada Tahun 2020 (RM 542,090.00) Sebanyak RM14,127.90.**

5.2.1 *Person in charge* (PIC) memaklumkan bahawa terdapat beberapa isu berkaitan Bilik Grafik, antaranya adalah:

- a) Bilik grafik tidak mempunyai Lukisan *As-built* dan maklumat tentang pembinaan bilik tersebut tidak dapat di ketahui seperti jenis gred konkrit yang digunakan, ketebalan lantai, saiz besi yang digunakan dan lain-lain.
- b) Selepas kerja hacking lantai yang dilakukan, penemuan 21 lubang berkemungkinan lubang anti-termite atau pembaikan struktur lantai tetapi tiada rekod yang dapat disahkan oleh pihak MPC.
- c) Penemuan plastik damp proof membrane sedia ada dan besi BRC asal lantai tidak bersambung dengan rusuk sedia ada (lantai tidak terampai).
- d) Berdasarkan ujian Rebound Hammer yang dilakukan pada 13 Oktober 2021 dan laporan ujian yang diterima pada 29 Oktober 2021, didapati kekuatan konkrit pada lantai S1 tidak dapat di tentukan dan menghasilkan R-Value yang rendah.

5.2.2 Pihak MITI bersama-sama pihak MOF juga telah mengadakan lawatan tapak ke Bilik Grafik pada 2 Nov 2021 dan mengambil maklum berkenaan keperluan pertambahan kos yang melibatkan VO bagi kerja-kerja di di Bilik Grafik dengan menggunakan peruntukan mengurus khas kecemasan.

5.2.3 Berdasarkan perkara – perkara di atas dari segi penilaian kejuruteraan dan teknikal didapati lantai tersebut adalah tidak selamat dan

membahayakan; justeru itu, struktur lantai tersebut perlu dibina semula daripada struktur lantai tidak terampai kepada terampai supaya struktur lantai yang baru lebih kukuh dan selamat.

5.2.4 Mesyuarat ini mengambil maklum dan memuktamadkan permohonan VO ini berdasarkan penilaian teknikal dan keperluan baik pulih dalam memastikan struktur Bilik Grafik ini lebih kukuh dan selamat.

Makluman

6.0 Hal – hal lain:

6.1 Urus Setia telah memaklumkan bahawa jadual perancangan / takwim mesyuarat bagi tahun 2022 akan dimaklumkan kepada semua Warga MPC bagi memastikan kelancaran proses perolehan di MPC.

7.0 Penangguhan Mesyuarat

7.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh:



Nor Izzati Norhisam
Urus Setia
Jawatankuasa Sebut Harga MPC
Tarikh: 31/12/2021

Disemak oleh:



Mahadi Hasbullah
Urus Setia
Jawatankuasa Sebut Harga MPC
Tarikh: 31/12/2021

Disahkan oleh:



Zahid Ismail
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga A MPC
Tarikh: